

24 MAY 1998

Mustapa-Peruntukan

PERUNTUKAN TAMBAHAN RM170,000 UNTUK ATASI MASALAH AIR

JELI, 24 Mei (Bernama) -- Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed hari ini mengumumkan bahawa kerajaan pusat meluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM170,000 bagi mengatasi masalah bekalan air di dua daerah di Kelantan.

Beliau berkata, peruntukan berkenaan, iaitu tambahan daripada RM50,000 yang diluluskan baru-baru ini perlu bagi membantu rakyat di daerah Kemahang dan Tanah Merah yang teruk dilanda masalah ketiadaan air.

"Melalui peruntukan ini, beberapa projek menggali telaga yang lebih dalam serta memberi punca air yang banyak dapat dilaksanakan segera," katanya pada persidangan berita di Pusat Kegiatan Ummah, Kemahang Tiga, dekat sini.

Katanya, Pejabat Jajahan Tanah Merah juga telah memberi persetujuan untuk membeli enam buah tangki air besar bagi ditempatkan di Kemahang Satu, Kemahang Dua dan Kemahang Tiga.

Mustapa yang juga Anggota Parlimen Jeli kesal dengan tuduhan oleh pihak-pihak tertentu sebelum ini kononnya beliau dan beberapa wakil rakyat di kawasan berkenaan tidak mengambil tahu masalah penduduk di kawasan-kawasan berkenaan.

Di KOTA BAHARU, Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat meminta semua pihak supaya tidak menjadikan masalah bekalan air di Kelantan sebagai isu politik.

Mengulas kenyataan Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Annuar Musa Jumaat lepas bahawa Nik Aziz bertemu dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini bagi nasihat untuk pembatalan perjanjian konsesi air dengan Kelantan Water Sdn Bhd (KWSB), Nik Aziz masalah rakyat itu sepatutnya ditangani bersama oleh semua pihak.

"Ini perkara sensitif dan tidak boleh dipolitikkan," katanya pada persidangan media di pejabatnya di sini.

Kerajaan negeri dilaporkan cuba menamatkan perjanjian KWSB yang berjalan tiga tahun lepas setelah syarikat itu dikatakan gagal meningkatkan mutu bekalan air di negeri itu.

-- BERNAMA

ZI MNR FAZ